

MAHATHIR - CALON

OLEH AHMAD WAHAB

1981

KUALA LUMPUR, 24 JUN (BERNAMA)—KEDUA-DUA CALON YANG BERTANDING MEREbut JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN UMNO AKAN TERUS BERKHIDMAT DAN TIDAK AKAN BERHENTI DARI PARTI ATAU KERAJAAN WALAU APA JUAPUN KEPUTUSAN PEMILIHAN, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

DALAM SATU INTERVIU DENGAN +MERDEKA+ - AKHBAR BULANAN UMNO - DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG MENANG TANPA BERTANDING UNTUK JAWATAN PRESIDEN PARTI MENEGASKAN BELIAU JUGA PERCAYA +PERLAWANAN ITU+ TIDAK AKAN MENJEJASKAN PARTI ATAUPUN PENTADBIRAN KERAJAAN.

KATANYA: +SEBAGAI ORANG YANG BERPEGANG KEPADA PRINSIP DEMOKRASI SAYA AKAN MENERIMA KEPUTUSAN PERWAKILAN.+

KENYATAAN DATUK SERI DR. MAHATHIR INI MENAMATKAN SPEKULASI TENTANG KEMUNGKINAN CALON YANG KALAH DALAM PERTANDINGAN ITU MELETAKKAN JAWATAN BAIK DARI PARTI ATAU KABINET.

DUA ORANG CALON YANG BERTANDING MEREbut JAWATAN ITU IALAH MENTERI PELAJARAN DATUK MUSA HITAM DAN MENTERI KEWANGAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH. KEDUA-DUANYA SEKARANG IALAH NAIB PRESIDEN PARTI.

SETAKAT INI CUMA TENGGU RAZALEIGH TELAH MENGUMUMKAN AKAN MELETAKKAN JAWATAN DARI KABINET JIKA TIDAK BERJAYA DALAM PERTANDINGAN ITU. —BERSAMBUNG 1430/AH

B541

MAHATHIR - CALON 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA TIMBALAN PERDANA MENTERI BERHARAP AHLI-AHLI UMNO TIDAK AKAN MENUNJUKKAN PERASAAN TERLALU GEMBIRA APABILA CALON-CALON SOKONGAN MEREKA MENANG ATAU TERLALU SEDIH APABILA KALAH.

+SAYA HARAP JANGAN ADA PERBUATAN-PERBUATAN YANG TIDAK DIINGINI SAPERTI BERSORAK-SORAK ATAU MENGEJEK+, TAMBAHNYA.

BELIAU MENEGASKAN KEMENANGAN MANA-MANA CALON ADALAH KEMENANGAN UMNO DAN BUKAN KEMENANGAN PERIBADI.

BELIAU MENSIFATKAN PERTANDINGAN MEREKUT JAWATAN TINGGI PARTI ITU SEBAGAI BUKAN SATU PERKARA BARU BAGI AHLI-AHLI. 306

MENURUTNYA, ALLAHYARHAM TUN DR. ISMAIL SUATU KETIKA DULU PERNAH BERTANDING MELAWAN ALLAHYARHAM TUN ABDUL RAZAK UNTUK JAWATAN YANG SAMA.

+TUN ISMAIL KALAH TETAPI BELIAU TERUS BERKHIDMAT KEPADA PARTI,+ TEGASNYA. —BERSAMBUNG 1433/AH

B542

MAHATHIR - CALON 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA: + APABILA TUN RAZAK NAIK MENJADI PRESIDEN PARTI, TUN ISMAIL MENERIMA DENGAN RELA HATI JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN. INILAH PERISTIWA YANG PATUT DICONTOKI OLEH KITA HARI INI. +

BELIAU BAGAIMANAPUN MENAKUI PERTANDINGAN ANTARA TUN RAZAK DAN TUN ISMAIL ITU TIDAK SEBAGAI PERTANDINGAN KALI INI.

MENURUTNYA, PERTANDINGAN KALI INI NAMPAKNYA MEMPUYAI BANYAK IMPLIKASI, LEBIH HANGAT DAN APA PULA AMALAN-AMALAN YANG TIDAK PATUT DILAKUKAN.

+KADANG-KADANG NAMPAK SAPERTI KITA BERLAWAN DENGAN CALON DARI PARTI LAIN,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BAGAIMANAPUN BERKATA INI CUMA BERLAKU KETIKA KEADAAN +PANAS+ DAN BELIAU PERCAYA BILA PERTANDINGAN BERAKHIR KEDUA-DUA PIHAK AKAN MENGUTAMAKAN UMNO DAN PERPADUAN DALAM PARTI.

+PIHAK YANG KALAH MESTILAH MENERIMA PEMIMPIN YANG DIPILIH RAMAI SAPERTI JUGA MEREKA MESTI MENERIMA KEPUTUSAN MAJORITI.

+KALAU KITA TIDAK BERPEGANG KEPADA PRINSIP INI MAKA KITA TIDAK BERHAK MENERIMA KONSEP DEMOKRASI. KALAU KITA MENERIMA KONSEP INI, MAKA BARULAH KITA BOLEH DIKATAKAN MATANG DALAM POLITIK DEMOKRASI,+ TEGASNYA. —BERSAMBUNG 1438/AH

MAHATHIR - CALON 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BAGAIMANAPUN YAKIN PERASAAN PERSAINGAN YANG WUJUD SEKARANG AKAN LENYAP LAMA KELAMAAN DAN BELIAU BERPENDAPAT PERASAAN INI AKAN LEBIH MUDAH LENYAP JIKA SEMUA PEMIMPIN UMNO BERSATU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA TELAH MENJAWAB PERTANYAAN-PERTANYAAN MENGAPA BELIAU TIDAK MEMILIH SENDIRI TIMBALAN PRESIDEN SAPERTI YANG DIAMALKAN DI MASA LALU.

BELIAU MENJELASKAN PERLANTIKAN TIMBALAN PERDANA MENTERI MEMANG-LAH MENJADI HAK PERDANA MENTERI MENURUT KONSEP DEMOKRASI TETAPI JIKA PERDANA MENTERI JUGA BOLEH MENENTUKAN TIMBALAN KETUA PARTI, KONSEP PARTI MENGUASAI KERAJAAN TIDAK AKAN BERMAKNA LAGI.

MENGENAI SYOR SUPAYA DUA ORANG TIMBALAN PRESIDEN PARTI DI-LANTIK BAGI MENYELESAIKAN MASALAH TERSEBUT BELIAU PULA MENJAWAB:

+KALAU KITA HARUS MENGADAKAN DUA JAWATAN TIMBALAN ATAS DASAR KITA MEMPUNYAI DUA ORANG YANG LAYAK, MAKA KITA NANTI JUGA TERPAKSA MENGADAKAN TIGA JAWATAN TIMBALAN JIKA SUATU KETIKA KELAK TER-DAPAT TIGA ORANG YANG SAMA-SAMA LAYAK UNTUK JAWATAN TERSEBUT.+

BELIAU BERPENDAPAT CARA ITU BUKAN SATU PENYELESAIAN - IA SEBENARNYA SUATU PERBUATAN BAGI MENGELAKKAN MASALAH DAN DENGAN BERBUAT DEMIKIAN +KITA CUMA MEMINDAHKAN MASALAH DARI SATU TINGKAT KEPADA TINGKAT YANG LEBIH TINGGI.+

—BERSAMBUNG 1445/AH

B544

MAHATHIR - CALON 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERTANDINGAN DI PERINGKAT TIMBALAN JIKA DIELAKKAN AKAN BERMAKNA PERTANDINGAN DI PERINGKAT TERTINGGI PULA AKAN DIHADAPI BILA BERLAKU KEKOSONGAN.

+KITA HENDAKLAH BERUSAHA MENGELAKKAN BERLAKU PERTANDINGAN DI PERINGKAT PALING TINGGI KERANA JIKA IA BERLAKU, SATU KEADAAN YANG TIDAK SIHAT AKAN WUJUD,+ TEGASNYA.

BELIAU MENEGASKAN JIKA PERTANDINGAN BERLAKU CUMA DI PERINGKAT TIMBALAN, PERPECAHAN BOLEH DIELAKKAN KERANA KETUA PARTI ADA DI TEMPATNYA DAN IA MENJADI FAKTOR PENYATUAN.

BELIAU MENINGATKAN SEBALIKNYA JIKA PERTANDINGAN BERLAKU DI PERINGKAT TERTINGGI, PARTI AKAN BERPECAH DUA DAN INI HENDAKLAH DIELAKKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DALAM SOAL PEMILIHAN TIMBALAN PRESIDEN PARTI, ADAT UMNO HENDAKLAH DIPEGANG TEGUH - IAITU APABILA SESEORANG SUDAH DIPUTUSKAN MEMEGANG JAWATAN TIDAK HARUS ADA ORANG YANG AKAN MENCABARNYA KECUALI DALAM KEADAAN-KEADAAN LUARBIASA. —BERSAMBUNG 1454/AH

MAHATHIR - CALON 6 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA: +SEBENARNYA RAHSIA PERPADUAN DALAM UMNO SELAMA INI IALAH KERANA AHLI-AHLI BERPEGANG KEPADA ADAT INI - IAITU PENYELESAIAN KEPIMPINAN DILAKUKAN DI PERINGKAT KEDUA DAN BUKAN PERINGKAT PERTAMA+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK MAHU MENYEBUT HAL-HAL INI DULU KERANA TIDAK MAHU ORANG MENGATAKAN +SAYA TIDAK MAHU ORANG LAIN CABAR SAYA.+

+TETAPI SEKARANG OLEH KERANA SAYA SUDAH DISAHKAN SEBAGAI KETUA PARTI, MAKA BOLEHLAH SAYA BERKATA SEGINI,+ TEGASNYA.

—BERNAMA 1455/AH